



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KUALA LUMPUR

S&E
SCHOOL OF BUSINESS
AND ECONOMICS
Leading Today • Shaping Tomorrow

THE TRIPLE CROWN BUSINESS SCHOOL



AACSB
ACCREDITED



EQUIS
ACCREDITED



**ASSOCIATION
AMBA**
ACCREDITED



GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI (GPSPE)

(Pindaan 1 Januari 2026)



Siti Azizah Yaacob



03-9769 7610



siti_azizah@upm.edu.my



Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), SPE

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

Berilmu Berbakti



econ.upm.edu.my

1.0 GERAN PENYELIDIKAN SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI

Garis panduan ini bertujuan menerangkan tatacara permohonan serta syarat pembiayaan dana penyelidikan peruntukan Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (GPSPE).

Geran GPSPE merupakan Geran yang ditawarkan kepada pensyarah, *School of Business and Economics* (SBE) yang layak, sebagai suatu inisiatif bagi menggalakkan penyelidikan untuk mencapai Indeks Pencapaian Utama (KPI) yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Secara khususnya tujuan utama GPSPE adalah untuk:

- i. meningkatkan bilangan penyelidik utama (PI) di SBE;
- ii. menggalakkan aktiviti penyelidikan berimpak di kalangan pensyarah SBE;
- iii. menggalakkan penerbitan berimpak dalam jurnal berwasit mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Universiti;
- iv. menggalakkan penerbitan dalam bentuk bab atau buku mengikut glosari MyRA dan melalui penerbit yang diiktiraf oleh Universiti;
- v. menghasilkan polisi, paten, produk atau teknologi yang boleh memberi impak kepada perkembangan sosio-ekonomi negara.

2.0 KLUSTER PENYELIDIKAN

Skop penyelidikan adalah merangkumi penyelidikan fundamental atau gunaan mengikut kluster yang telah ditetapkan oleh Universiti seperti berikut:

- i. Pertanian dan Makanan (*Agriculture and Food*)
- ii. Perniagaan, Ekonomi dan Governans (*Business, Economics and Governance*)
- iii. Alam Sekitar dan Tenaga (*Environment and Energy*)
- iv. Perhutanan dan Biodiversiti (*Forestry and Biodiversity*)
- v. Kemanusiaan dan Pembangunan Nusa Bangsa (*Humanities and Nation Building*)
- vi. Sains dan Pengurusan Halal (*Halal Science and Management*)
- vii. Kesihatan dan Kesejahteraan Hidup (*Health and Well-being*)

3.0 BIDANG PENYELIDIKAN

Bidang penyelidikan boleh terdiri salah satu daripada berikut;

- i. Ekonomi
- ii. Kewangan;
- iii. Perakaunan;
- iv. Ekonomi Perniagaan;
- v. Perniagaan dan Pemasaran;
- vi. Polisi dan Undang-Undang;
- vii. Keusahawanan, Hospitaliti & Pelancongan;
- viii. Lain-lain yang berkaitan.

4.0 SYARAT AM PERMOHONAN

- i. Ketua Penyelidik mestilah pensyarah SBE, UPM yang berjawatan tetap atau kontrak. Tutor tidak layak memohon sehingga dilantik ke jawatan sebagai pensyarah;
- ii. Pensyarah yang bercuti belajar dan cuti sabatikal (luar dan dalam negara yang melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan, tetapi boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan tersebut;
- iii. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama di kalangan pensyarah SBE berjawatan tetap;
- iv. Pensyarah bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama di kalangan pensyarah warganegara Malaysia dan berjawatan tetap;
- v. Pemohon yang tempoh perkhidmatan kurang daripada satu (1) tahun dimestikan mempunyai penyelidik bersama di kalangan pensyarah warganegara Malaysia dan berjawatan tetap;
- vi. Pemohon digalakkan untuk menambah sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama daripada industri;
- vii. Pemohon juga digalakkan untuk menambah sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama daripada peringkat antarabangsa, untuk memberi impak kepada *output* yang dihasilkan, (sebarang perbelanjaan untuk penyelidik bersama antarabangsa adalah tidak dibenarkan);
- viii. Pemohon hanya dibenarkan mengetuai satu (1) projek sahaja dan hanya satu (1) permohonan projek akan diperakukan untuk geran ini;
- ix. Projek mesti menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti serta memberi impak kepada sosio-ekonomi negara;
- x. Setiap projek yang diluluskan wajib menghasilkan output penyelidikan mengikut jenis geran seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini; dan

5.0 SILING PERUNTUKAN

Geran GPSPE adalah satu inisiatif pembiayaan aktiviti penyelidikan pensyarah SBE yang memberi fokus dalam bidang Ekonomi, Kewangan, Perakaunan, Ekonomi Perniagaan, Perniagaan & Pemasaran, Polisi & Undang-Undang dan Keusahawanan, Hospitaliti & Pelancongan.

Jumlah peruntukan yang dipohon adalah minimum RM5,000.00 dan maksimum RM30,000.00.

Penetapan siling peruntukan ini mestilah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian dengan kebenaran daripada Dekan, SBE.

6.1 Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (GPSPE)

- i. Geran ini terbuka kepada semua pensyarah SBE, UPM.
- ii. Tempoh projek adalah maksimum 18 bulan.
- iii. Siling peruntukan adalah minimum RM5,000.00 dan maksimum RM20,000.00.
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama di kalangan pensyarah SBE, UPM berjawatan tetap.
- v. Setiap projek yang diluluskan mesti mencapai output seperti berikut:

Penerbitan	Satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks. (berstatus <i>published/accepted</i>)
Laporan akhir	Satu (1) laporan akhir.

* Hasil penerbitan/output mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran GPSPE berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

6.2 Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi – Berimpak (Keterjaminan Makanan) (GPSPE - Keterjaminan Makanan)

- i. Geran ini terbuka kepada semua pensyarah SBE, UPM.
- ii. Geran Berimpak mestilah berkaitan dengan **Keterjaminan Makanan**.
- iii. Tempoh projek adalah maksimum 18 bulan.
- iv. Siling peruntukan adalah minimum RM5,000.00 dan maksimum RM20,000.00.
- v. Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) penyelidik bersama (maksimum 5 orang penyelidik bersama sahaja).
- vi. Setiap projek yang diluluskan mesti mencapai output seperti berikut:

Penerbitan	Satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks. (berstatus <i>published/accepted</i>)
Media/ Pemindahan Ilmu kepada Komuniti/ Case Study	Satu (1) artikel dalam surat khabar/ majalah/ buletin.
Laporan akhir	Satu (1) laporan akhir.

* Hasil penerbitan/output mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran GPSPE – Keterjaminan Makanan berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

6.3 Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi – Siswazah (GPSPE – Siswazah)

- i. Geran ini terbuka kepada semua pensyarah SBE, UPM.
- ii. Geran ini terbuka kepada Pelajar Pasca Siswazah yang mengikuti pengajian sepenuh masa di UPM dan di bawah program pengajian dengan tesis sepertimana berikut;
 - Master (MSc): Semester 1 hingga 3;
 - PhD: Semester 1 hingga 5;
- iii. Hanya layak kepada projek pelajar yang tidak mempunyai sebarang bantuan/ sumber dana lain.
- iv. Geran akan ditarik balik sekiranya pelajar bertukar projek (kecuali pertukaran program Master ke PhD), mendapat status percubaan atau gagal atau diberhentikan, menarik diri dari pengajian atau disabitkan kesalahan tatatertib.
- v. Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan perlu memaklumkan kepada pihak Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)(TDPI) terhadap sebarang pertukaran status pelajar, pertukaran Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan atau Penasihat dan/atau tajuk penyelidikan yang dijalankan.
- vi. Tempoh projek adalah maksimum dua (2) tahun.
- vii. Siling peruntukan adalah minimum RM5,000.00 dan maksimum RM15,000.00.
- viii. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama di kalangan pensyarah SBE, UPM berjawatan tetap. Penyelidik bersama adalah dari ahli jawatankuasa penyeliaan pelajar.
- ix. Setiap projek yang diluluskan mesti mencapai output seperti berikut:

Penerbitan	Satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks. (berstatus published/accepted)
Modal Insan	Satu (1) pelajar siswazah (telah menghantar tesis ke SGS).
Laporan akhir	Satu (1) laporan akhir.

* Hasil penerbitan/output mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran GPSPE - Siswazah berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

6.4 Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi – Pengajaran & Pembelajaran dan Kajian Kes (GPSPE – PPKK)

- i. Geran ini terbuka kepada semua pensyarah SBE, UPM.
- ii. Digalakkan projek penyelidikan pengajaran & pembelajaran dan kajian kes dijalankan secara kolaborasi antara fakulti/sekolah.

- iii. Tempoh projek adalah maksimum satu (1) tahun.
- iv. Siling peruntukan adalah minimum RM5,000.00 dan maksimum RM10,000.00.
- v. Setiap projek, sekurang-kurangnya seorang(1) ahli mestilah menghadiri siri bengkel kajian kes yang dianjurkan oleh Pejabat TDPI seperti berikut:
 - a) *Case Study Writing*; dan
 - b) *Case Study Publication*
- vi. Setiap projek yang diluluskan mesti mencapai output seperti berikut:

Penerbitan/Output	a. Satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks (berstatus <i>published/accepted</i>), ATAU b. Satu (1) Kajian Kes (berstatus <i>published/accepted</i>), ATAU c. Satu penghasilan Harta Intelek (IP)
Laporan akhir	Satu (1) laporan akhir.

* Hasil penerbitan/output mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran GPSPE - Kajian Kes berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

6.5 Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi – Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)(GPSPE-MBI)

- i. Geran ini terbuka kepada semua pensyarah SBE, UPM.
- ii. Topik kajian mestilah melibatkan isu yang berkaitan dengan Negeri Selangor.
- iii. Cadangan penyelidikan perlu dibentangkan dan dinilai serta diperakui oleh pihak MBI.
- iv. Tempoh projek adalah maksimum satu (1) tahun.
- v. Peruntukan adalah dari dana kursi MBI bagi tujuan penyelidikan pada tahun semasa.
- vi. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama di kalangan pensyarah SBE, UPM berjawatan tetap.
- vii. Setiap projek yang diluluskan mesti mencapai output seperti berikut:

Penerbitan/Output	Satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks. (berstatus <i>published/accepted</i>)
Laporan akhir	Satu (1) laporan akhir.

* Hasil penerbitan/output mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran GPSPE - MBI berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

6.6 Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi – Khas Kumpulan Penyelidikan (RG) –(GPSPE-RG)

- i. Geran ini terbuka kepada pensyarah SBE, UPM yang terlibat dengan RG SBE.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penyelidik bersama di kalangan pensyarah SBE berjawatan tetap dan ahli RG SBE.
- iii. Topik kajian mestilah berkaitan dengan tajuk RG dan perlu fokus kepada bidang RG yang berkaitan.
- iv. Tempoh projek adalah maksimum dua puluh empat (24) bulan.
- v. Setiap kumpulan RG SBE, diperuntukan maksimum 3 projek geran GPSPE-RG.
- vi. Setiap projek yang diluluskan mesti mencapai output seperti berikut:

Penerbitan/Output	Satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks. (berstatus <i>published/accepted</i>)
Laporan akhir	Satu (1) laporan akhir.

* Hasil penerbitan/output mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran GPSPE - RG berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

7.0 SKOP PEMBIAYAAN

7.1 Vote 11000 (Upah dan Elaun)

7.1.1 Pembantu Penyelidik (RA)

- a) Upah dan elaun Pembantu Penyelidik (RA) **hanya dibenarkan untuk Geran GPSPE - MBI sahaja.**
- b) Kadar bayaran gaji Pembantu Penyelidik (RA) adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelantikan Pembantu Penyelidik yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat TNCPi (<https://tncpi.upm.edu.my/faildokumen>).

7.2 Vote 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)

7.2.1 Termasuk perjalanan dan pengangkutan bagi membentangkan kertas seminar/konferens di dalam negara.

* Pensyarah perlu mengisi Borang Kelulusan Bertugas Rasmi/Lawatan/Kursus (SOK/KEW/BR009/BYR) sebelum tarikh perjalanan bagi tujuan tuntutan perjalanan. Borang boleh dimuat turun dari laman web Sistem Pengurusan Kualiti UPM (<https://eiso.upm.edu.my/index.php>).

7.2.2 Sebarang perbelanjaan di luar negara adalah tidak dibenarkan.

7.3 Vote 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

7.3.1 Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

7.3.2 Inventori: Pembelian peralatan bernilai kurang RM3,000 dan jangka hayat melebihi 1 tahun yang boleh berfungsi sendiri tanpa perlu sokongan alatan lain (termasuk perisian) seperti *printer* dan *toner* adalah dibenarkan.

7.3.3 Pembelian alat ganti seperti *monitor* komputer, *keyboard*, kabel pencetak, tetikus, dan *external hardisk* dan lain-lain adalah dibenarkan.

7.4 Vote 29000 (Perkhidmatan)

7.4.1 Perkhidmatan ikhtisas termasuk percetakan, insurans, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan professional, konsultasi, penggunaan komputer, analisis sampel, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

7.4.2 Kadar bayaran perkhidmatan enumerator adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pengambilan Enumerator, UPM yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat TNCPI (<https://tncpi.upm.edu.my/faildokumen>).

7.4.3 Pembiayaan berkaitan penerbitan adalah seperti berikut:

Yuran Penghantaran	i) Maksimum RM1,000.
Khidmat Suntingan	i) Maksimum RM2,000.
Yuran Penerbitan	i) Maksimum RM2,000. ii) Hanya jurnal terindeks (JCR/Scopus/ERA/MyCite) sahaja dibenarkan. iii) Artikel perlu sekurang-kurangnya berstatus ' <i>Accepted</i> '.

* Sebarang perbelanjaan penyelidikan yang berkaitan penerbitan seperti yuran penghantaran, yuran penyuntingan dan yuran penerbitan yang menggunakan dana GPSPE mestilah meletakkan penghargaan (*acknowledgement*) kepada Geran GPSPE berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

* Geran penyelidikan ini tidak boleh digunakan untuk mencukupkan kos yuran penerbitan sekiranya melebihi had siling Dana Penerbitan Jurnal.

7.5 Vote 35000 (Aksesori dan Peralatan kecil)

7.5.1 Aset: Pembelian laptop adalah dibenarkan dengan syarat aset yang sedia ada telah berumur 4 tahun atau lebih (perlu masukkan ke dalam proposal dengan justifikasi pembelian laptop). Jumlah yang dipohon mestilah tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

8.0 TATACARA PERMOHONAN GERAN

- i. Permohonan dibuka dua (2) kali setahun tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan sedia ada.
- ii. Penyelidik hanya boleh mengemukakan satu (1) permohonan sahaja pada sesuatu masa.
- iii. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan GPSPE yang boleh dimuat turun dari laman web Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (<https://econ.upm.edu.my/research/grants/gpspe-67769?L=en>).
- iv. Pemohon perlu emel dokumen lengkap (borang permohonan, jadual perbatuan, carta gantt, CV ketua projek dan penyelidik bersama, salinan abstrak/ muka hadapan penerbitan bagi tempoh tiga (3) tahun kepada pegawai yang bertanggungjawab di Pejabat TDPI.

9.0 PENILAIAN PERMOHONAN

9.1 Kriteria penilaian

9.1.1 Keutamaan diberikan kepada projek berimpak yang menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti.

9.1.2 Keutamaan juga diberi kepada;

9.1.2.1 Cadangan penyelidikan yang kompetitif; atau

9.1.2.2 Projek yang memfokuskan dalam bidang penyelidikan SBE, UPM serta projek-projek strategik negara (*national interest*) yang mampu membangun sesuatu industri bagi kepentingan negara; atau

9.1.2.3 Penyelidikan yang memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan/ sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat; atau

9.1.2.4 Penyelidikan yang akan dapat menambahbaik sesuatu polisi dan metodologi penyelesaian yang sedia ada.

9.1.3 Bagi pensyarah yang disekat permohonan bagi geran putra adalah dibenarkan untuk memohon.

9.1.4 Mempunyai sekurangnya-kurangnya dua (2) penerbitan sama ada Jurnal Berindeks (CIJ) atau Jurnal Tidak Berindeks (Non CIJ) atau Buku atau Bab Dalam Buku dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

9.2 Proses penilaian

9.2.1 Permohonan Geran GPSPE akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan Geran Penyelidikan SBE yang akan ditetapkan oleh Timbalan Dekan TDPI, SBE, UPM.

9.2.2 Tatacara proses pelaksanaan penilaian adalah seperti di **Lampiran 1**.

10.0 HASIL PENYELIDIKAN

- i. Semua penyelidik diwajibkan untuk menghasilkan output penyelidikan mengikut KPI jenis geran seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.
- ii. Semua hasil penyelidikan mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran GPSPE berserta nombor pusat kos projek berkenaan.

Contoh Penulisan Penghargaan (ACKNOWLEDGMENT)

*"This research was funded by the **Universiti Putra Malaysia**, under the **Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (GPSPE/6303xxx)**."*

*"Kajian ini telah dibiayai oleh **Universiti Putra Malaysia** di bawah **Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (GPSPE/6303xxx)**."*

- iii. Penyelidik mestilah menulis afiliasi SBE disetiap *output* yang dihasilkan

Contoh Penulisan Afiliasi(Affiliation)

*School of Business and Economics, Universiti Putra Malaysia, 43400
Serdang , Selangor, Malaysia*

- iv. Penyelidik digalakkan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi.
- v. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt. Hak pemilikan Harta Intelekt adalah Hakmilik UPM. Sila rujuk Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi untuk Penyelidik (<https://eiso.upm.edu.my/index.php>).

11.0 TADBIR URUS PROJEK PENYELIDIKAN


- i. Pengagihan Peruntukan
 - a) Permohonan pelanjutan tempoh geran adalah dibenarkan dan tempoh maksimum yang dibenarkan ialah selama enam (6) bulan sahaja dan tertakluk kepada pengesahan daripada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) dan diluluskan oleh Dekan, SBE,UPM.
 - b) Sebarang perolehan atau permohonan pembelian baharu tidak dibenarkan selepas tarikh tamat projek. Hanya tuntutan bayaran sahaja dibenarkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek.
 - c) Borang Laporan Akhir Penyelidikan (PU/PY/BR10/LAP) wajib dihantar ke Pejabat TDPI selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek.
- ii. Pelaksanaan & Pemantauan Projek
 - a) Projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diberikan berpandukan tadbir urus sepertimana yang telah ditetapkan dalam Prosedur

Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan yang boleh dimuat turun dari laman web Sistem Pengurusan Kualiti UPM (<https://eiso.upm.edu.my/index.php>).

- iii. Peraturan dan ketetapan tadbir urus Geran Putra yang berkuatkuasa atau Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan UPM akan terpakai sekiranya ia tidak dinyatakan dengan jelas dalam garis panduan ini.

Lampiran 1

CARTA ALIR PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI (GPSPE)



1.0 Terima permohonan.

2.0 Semak permohonan.

2.1 Lengkap.

2.2 Tidak Lengkap.

2.1.1 Kenal pasti dan lantik panel penilai dalam tempoh 1 minggu.

2.1.2 Laksanakan proses penilaian dalam tempoh 2 minggu.

2.2.1 Permohonan tidak lengkap perlu ulang semula proses 1.0.

2.3 Maklumkan hasil proses penilaian kepada pemohon.

2.3.1 Sekiranya perlu pindaan, maklumkan kepada pemohon untuk buat pindaan dan dinilai semula.

2.3.2 Sekiranya permohonan disokong, dapatkan pengesahan Timbalan Dekan dan kelulusan Dekan.

2.4 Maklumkan keputusan permohonan kepada pemohon.

2.4.1 Sekiranya lulus,

a) Keluarkan surat makluman kepada pemohon.

b) Pemohon isi borang persetujuan penerimaan tawaran geran penyelidikan.

c) Pemohon lengkapkan Surat Permohonan Pembukaan Akaun Amanah.

2.4.2 Sekiranya gagal maklumkan kepada pemohon.

2.5 Proses Surat Pembukaan Akaun Amanah,

a) Dapatkan tandatangan Timbalan Dekan dan Dekan.

b) Dapatkan pengesahan RMC.

c) Dapatkan kelulusan JK Akaun Amanah bagi mewujudkan no. akaun projek.

d) Dapatkan kelulusan JK Tetap Kewangan bagi pindahan dana dari Tabung Kursi Renong ke akaun projek.

2.6 Keluarkan surat tawaran geran penyelidikan kepada pemohon.